

Buntu diasak soal jodoh

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
reca@metro.com.my

Siswa belum sedia kahwin hadapi dilema didesak 2 rakan perempuan, calon pilihan ibu

? Saya siswa kursus sarjana di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Saya mempunyai dua rakan perempuan iaitu A dan B. Mereka berdua bekerja.

Persahabatan kami terjalin baik cuma masalahnya, kedua-dua kenalan itu suka mendesak saya segera berkahwin dengan mereka.

Biarpun saya tidak kisah dan ada kalanya menganggap mereka hanya mengusik tapi sejak akhir-akhir ini saya rimas.

Saya belum bersedia berkahwin kerana rumpuan sekarang ialah pengajian yang sedang diikutinya. A dan B mendesak saya supaya meminang mereka.

A dan B tidak mengenali antara satu sama lain. Saya berkawan dengan mereka serentak tanpa pengetahuan masing-masing.

Saya buntu mengenai hal ini kerana tidak pernah terfikir mengenainya.

Pada masa sama, ibu bapa saya di kampung mempunyai pilihan mereka sendiri untuk dijodo-

hkan dengan saya.

Saya takut memberitahu hal sebenar kepada ibu bapa, juga A dan B kerana mungkin akan membuatkan mereka terluka hati.

Saya mohon jasa baik Dr supaya saya boleh keluar dari masalah ini. Sekurang-kurangnya, saya ada kekuatan untuk berterus terang.

*Insan Buntu,
Selangor.*

! Terima kasih kerana sudi berkongsi permasalahan. Diharap adik sihat sejahtera dan dirahmati Allah. Memilih pasangan hidup adalah perkara penting kerana membabitkan masa depan.

Memilih pasangan bukan perkara mudah kerana sebagai seorang Islam, kita dianjurkan beristikharah iaitu meminta supaya Allah memberikan petunjuk agar diberikan pilihan yang terbaik untuk kita.

Memuaskan hati semua pihak bukanlah dalam bidang kuasa kita sebagai insan yang lemah. Namun,

adik tidak mempunyai pilihan lain selain menyatakan perkara sebenar agar tidak terus memberikan harapan kerana ia lebih menyakitkan.

Bagi Dr, lebih baik mereka mengetahui perkara itu daripada adik sendiri berbanding mengetahuinya daripada orang lain.

Jika adik belum bersedia untuk berkahwin, adalah lebih baik adik tidak memikirkannya. Ini kerana perkahwinan memerlukan persediaan yang cukup rapi sama ada mental, fizikal, emosi dan spiritual.

Tidak perlu memaksa diri jika adik tidak mampu menempuhinya. Ini kerana hanya kita yang tahu kemampuan diri dengan disertai memohon petunjuk Allah.

Akhir sekali, pilihan berada di tangan adik. Adik perlu memilih cara terbaik untuk berterus terang dengan dua rakan adik dan ibu bapa agar ia tidak melukai hati mana-mana pihak.

Dr mengucapkan selamat maju jaya kepada adik.

Gadis mahu elak rasa berdosa di hati

? Saya mohon bantuan untuk menghilangkan rasa rindu kepada seseorang. Saya mempunyai masalah perhubungan dengan seorang jejaka. Saya amat menghormati jejakanya.

Sikapnya yang alim amat menarik hati saya. Bermula dari alam persekolahan, dia sudah menganggap saya adiknya.

Dia tidak pernah gagal untuk membantu jika saya menghadapi sebarang masalah. Kini, perasaan cinta terhadapnya mulai tumbuh dan semakin menebal.

Saya sentiasa merindunya tapi jarang menghubunginya untuk mengelak dosa, terutama dosa yang terbit dari hati saya.

Hidup saya kini merana kerana merindunya. Sebagai gadis yang ingin mengekalkan kehormatan diri, bantulah saya.

**GADIS LEMAH
Perak**

! Perasaan sayang dan cinta adalah anugerah Tuhan yang indah. Ia ti-

dak perlu membabitkan perasaan takut atau gusar. Dr memahami perasaan adik yang juga mempunyai perasaan menghormatinya sebagai seorang abang tapi dalam masa yang sama mempunyai perasaan terhadapnya.

Pada pandangan Dr, ia adalah satu peluang untuk lebih mengeratkan perhubungan adik kepada yang lebih halal dan diberkati. Apatah lagi, anda berdua mengenali antara satu sama lain sejak sekian lama.

Selain itu, adik menggambarkan dirinya sebagai seorang yang baik dan mempunyai pegangan agama kuat. Mungkin ia adalah pilihan yang baik untuk adik. Namun, tidak semestinya yang terbaik.

Maksud Dr, adik perlu melakukan istikharah dengan meminta petunjuk kepada Tuhan adakah dia jodoh buat adik. Berkenaan dengan dosa hati itu, Dr menyarankan adik merujuk kepada ahli agama sama ada ustaz atau ustazah menjawabnya.

Ini kerana, ia sesuatu perbincangan membabitkan hukum. Dr memohon maaf kerana ia bukanlah dalam bidang Dr untuk memberikan apa-apa saranan.

